

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA  
BINTI ABDUL SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah program Latihan Khidmat Negara (PLKN) memberikan impak yang berkesan terhadap negara dan berjaya mencapai kelima-lima objektif yang telah digariskan.**

## **JAWAPAN:**

**Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu usaha murni Kerajaan untuk melahirkan masyarakat cintakan negara, memupuk perpaduan kaum, mewujudkan semangat kesukarelaan dan melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai-nilai murni, berkepimpinan dan berkeyakinan diri. Kesemua nilai-nilai yang ditetapkan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan jati diri dan sifat nasionalisme di kalangan remaja melalui modul yang dinamik dan berbentuk motivasi secara berterusan dan konsisten selama 3 bulan mereka berada di kem.**

**Berkenaan pencapaian PLKN, satu kajian, yang melibatkan 61,950 orang responden terdiri daripada alumni PLKN, ibubapa/penjaga, majikan/pendidik dan masyarakat umum telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertujuan untuk menilai pencapaian dan keberkesanan PLKN. Hasil dari kajian tersebut telah menunjukkan maklumbalas yang positif melebihi lapan puluh peratus (80%) dalam aspek semangat patriotisme, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan,**

**perwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri.**

**Terkini, satu kajian telah dijalankan melibatkan 470 responden terdiri daripada pelatih-pelatih Projek Rintis PLKN 2.0 yang dilaksanakan oleh “*Institute For Youth Research Malaysia*” (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang bertujuan untuk menilai *aptitude* ke atas Projek Rintis PLKN 2.0. Penilaian *aptitude* ini merupakan instrumen untuk menilai tahap kecenderungan, kompetensi, personaliti, patriotisme dan religiositi dalam kalangan peserta program. Hasil kajian ini telah menunjukkan kumpulan ini memiliki semangat patriotisme yang dapat menyumbang kepada pengukuhan pembinaan negara dan bangsa Malaysia.**